

MAHATHIR-PETUALANG R'R'R'

1983

KUALA LUMPUR, 12 DIS. (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU PERLU MEMBUAT PERTIMBANGAN MENDALAM SEBELUM MEMUTUSKAN UNTUK MENDEDAHKAN PETUALANG-PETUALANG YANG CUBA MENGGAGALKAN USAHA KERAJAAN DALAM ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN.

PERDANA MENTERI BERKATA +SAYA PERLU MEMIKIRKAN KESAN BAIK DAN BURUKNYA DALAM MEMBUAT KENYAAAN MENGENAI PERKARA ITU SEKARANG.

+SAYA TIDAK BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN DENGAN BEGITU SAHAJA+. TAMBAH BELIAU KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MERASMIKAN SIMPOSIUM MENGENAI TEKNOLOGI, KEBUDAYAAN DAN PEMBANGUNAN DI UNIVERSITI MALAYA DI SINI.

DUA HARI LALU SEMASA BERUCAP DI KUCHING, DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERI PENGAKUAN BAHAWA BELIAU AKAN MENDEDAHKAN KEPADA RAKYAT KERJA-KERJA PETUALANG YANG CUBA MENGHALANG USAHA KERAJAAN MENYELESAIKAN ISU PINDAAN PERLEMBAGAAN JIKA USAHA ITU GAGAL.

EKORAN ITU, PEMUDA UMNO NEGERI SEMBILAN SEMALAM MENDESAK AGAR PETUALANG-PETUALANG ITU DIDEDAHKAN SAMA ADA ISU PINDAAN ITU SELESAI ATAU TIDAK.

KETUANYA, HAJI KHALID YUNUS BERKATA PENDEDAHAN ITU PENTING BAGI MEMBOLEHKAN ANGGOTA UMNO MENGETAHUI HAKIKAT SEBENAR UNTUK MENGE-LAKKAN PARTI ITU DARIPADA DIRASUK OLEH OPORTUNIS DAN HIPOKRIT POLIYIK.